

**Menjejaki Seni Warisan Tarian Kuda Kepang Secara Kaedah Sejarah  
Lisan: Seni Persembahan Tarian Kuda Kepang Jaran Wibowo, Johor**

Lukhman Hakeem Kamarulzaman  
Muhammad Firdaus Adnan  
Siti Nur Nazura Muhammad Mustafa  
Jannatul Iza Ahmad Kamal  
Mohd Nazir Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

**ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan dengan bertujuan untuk menjejaki Seni Warisan Tarian Kuda Kepang Jaran Wibowo, Johor. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti setiap perincian terhadap kesenian kuda kepang dalam kalangan masyarakat kini. Kajian ini telah dilakukan secara kualitatif bersama Encik Muhammad Fadzilah bin Kamsan selaku penaung bagi Persatuan Seni Warisan Tarian Kuda Kepang Jaran Wibowo, Johor. Temubual ini dijalankan secara atas talian menerusi aplikasi Zoom selama 2 jam 16 minit. Disamping itu juga kajian dilakukan bagi mendalami sejarah berkaitan kuda kepang serta mengenal-pasti jenis-jenis pergerakan dalam seni tarian kuda kepang dan juga mempelajari alat muzik yang digunakan sepanjang permainan dijalankan. Hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan dan membantu para pengkaji dan penyelidik lain yang ingin mengkaji mengenai kesenian kuda kepang.*

**Kata Kunci:** kuda kepang, alat muzik, pewaris, persembahan, tarian

**ABSTRACT**

*This study was conducted with the aim of tracing the Heritage Dance of Horse Kepang Jaran Wibowo, Johor. This study is to identify in detail onwards of the arts of braids today. This study has been qualitatively where two figures have been interviewed by interviewers. This interview was conducted online using the Zoom application and was recorded for 2 hours 16 minutes and conducted in two sessions. In addition, this research also deepened the history related to “Kuda Kepang” as well as identify the types of movements in an art of “Kuda Kepang” and learn the musical instruments used throughout the game. We hope that this article can guide and help other researchers who are doing research about the arts of kuda kepang.*

**Keywords:** *Kuda Kepang, Music instruments, heir, performance, dance*

**PENGENALAN**

Kuda kepang atau persembahan kuda kepang ialah seni persembahan Melayu yang tergolong dalam seni tari yang melibatkan pemuzik, ketua penari, dan penari. Kuda kepang ialah patung anyaman berbentuk seperti seekor kuda tanpa kaki (Nur Azimah Mohd Bukhari, Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Haniza Samsudin, 2020). Kesenian ini juga ada tersebar dibawa oleh para penghijrah Jawa ke Semenanjung Tanah Melayu.

Permainan ini kini merupakan salah satu permainan rakyat di Indonesia, Singapura dan Malaysia, khususnya di negeri Johor, dan biasa dimainkan di majlis perkahwinan atau di majlis keramaian. Selain itu, tarian ini juga menjadi kebanggaan masyarakat Jawa di ketiga-tiga negara ini dan dibuktikan apabila tarian ini sering mewakili Singapura, Indonesia dan Malaysia di pertandingan-pertandingan tarian peringkat antarabangsa. Tarian ini juga sering dimainkan di Jawa ketika acara sambutan perayaan, majlis perkahwinan, perayaan Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Indonesia.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Persembahan Kuda Kepang adalah sebuah fenomena yang dulunya sering dikenali dan dimainkan oleh masyarakat Jawa di Batu Pahat, Johor atas tujuan-tujuan tertentu seperti mengangkat roh nenek moyang masyarakat Jawa, pertunjukkan kepahlawanan pada zaman perang, dan bagi persembahan ritual untuk pernikahan, kelahiran bayi, dan berkhatan. Namun begitu, fenomena yang sering dipersembahkan ini pudar malah ada yang mempersembahkan atas dasar hiburan semata-mata. Penglibatan ritual dalam persembahan Kuda Kepang ini menjadi isu yang mengatakan bahawa aktiviti tarian atau drama tari Kuda Kepang ini bercanggah dengan akidah dan syariah Islamiah. (Mohd Asari, Adilah, 2016) menjalankan kajian untuk mengkaji ritual persembahan kuda kepang yang terdapat dalam Persatuan Kuda Kepang Sawah Sempadan.

Tarian kuda kepang juga menurut (Roslina, 2014) adalah kebudayaan masyarakat Jawa. Tarian Kuda Kepang ini merupakan budaya masyarakat yang mempunyai nilai estetika serta memberi kesan kepada masyarakat yang melatarinya. Daripada kajian ini, Dapat disimpulkan bahawasanya tarian ini perlu dipelihara dan diturunkan dari generasi ke generasi yang lain. Kemudian tarian kuda kepang ini juga selalu dikaitkan dengan perkara ghaib yang dilakukan oleh penari-penari kuda kepang. Menurut Mohamad Syazuwan, (2017) tarian kuda kepang ini merupakan satu persembahan yang melibatkan upacara ritual keagamaan tetapi tidak menjelaskan bahawa upacara ritual tersebut membawa penari untuk memasuki ruang pertimbangan bawah sedar manusia dalam psikoanalisis.

Pernyataan masalah yang ingin dikaji melalui tajuk di atas adalah **kurangnya kajian mengenai kesenian yang terdapat pada tarian kuda kepang itu sendiri**. Hal ini kerana antara kajian yang terdapat di *Internet* lebih tertarik untuk mengkaji mengenai hal-hal ghaib mahupun ritual atau upacara yang dilakukan sebelum tarian kuda kepang itu dipersembahkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian Mohd Kipli, (2013) yang menyatakan bahawa sebelum sesuatu kumpulan Kuda Kepang Mabuk (KKM) memainkan persembahan,

mereka perlu melakukan beberapa istiadat penting kerana permainan ini dikuasai oleh suatu benda ghaib seperti membaca jampi. Kemudian, kajian mengenai kesenian yang terdapat dalam seni kuda kepang ini hanya dijalankan dalam jumlah yang kecil. Terdapat segelintir sahaja yang menjalankan kajian mengenai kesenian seni kuda kepang. Tari Kuda kepang desa Peniron memiliki nilai keindahan yang dapat dilihat dari aspek wujud, isi dan penampilan. Kajian pokok wujud iaitu aspek pertunjukan, isi iaitu suasana, gagasan, pesan ; penampilan yaitu bakat, ketrampilan, sarana (Esti Kurniawati, 2016). Melihat jumlah kajian yang kecil mengenai kesenian yang terdapat dalam seni kuda kepang ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji serta mendapatkan maklumat mengenai kesenian yang terkandung dalam seni tarian kuda kepang.

Seterusnya, kajian ini turut dijalankan adalah **kerana kurangan maklumat tentang cara pergerakan yang dimainkan dalam seni kuda kepang**. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila carian dilakukan di laman web seperti *Google Chrome*, tajuk yang berkaitan dengan pergerakan kuda kepang ini amat sedikit. Oleh itu, usaha perlu dilakukan bagi mengekalkan serta mempertahankan seni warisan ini yang melambangkan identiti Negara. (Ghazali Syazana,2004) dalam kajiannya yang ingin mengkaji pergerakan kreatif tarian kuda kepang dan unsur spiritual dalam aktiviti fizikal tarian tersebut. Hal ini telah menarik minat pengkaji untuk meneruskan kajian berkenaan tarian pergerakan seni kuda kepang.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) untuk mendalami sejarah berkaitan kuda kepang.
- b) untuk mengenal pasti jenis-jenis pergerakan dalam seni tarian kuda kepang.
- c) untuk mengenal pasti jenis peralatan muzik yang digunakan dalam seni tarian kuda kepang.

**PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian merangkumi hal-hal berikut:

- a) Apakah sejarah yang berkaitan sehingga seni kuda kepang ini tersebar ke Malaysia?
- b) Apakah jenis tarian yang terdapat dalam seni tarian kuda kepang sewaktu persembahan kuda kepang dimainkan?
- c) Apakah peralatan muzik yang digunakan dan dimainkan sepanjang persembahan diadakan?

**KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Bahagian ini memperincikan secara impak kajian dilakukan dari pelbagai aspek. Antaranya kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam terhadap seni persembahan tarian kuda kepang kepada masyarakat kini. Dengan itu penghasilan kajian ini mampu menjelaskan dari sudut positif dimana kesenian dan warisan perlu diteruskan tanpa dikaitkan dengan unsur-unsur ghaib mahupun amalan anismisme yang telah diamalkan pada zaman dahulu.

Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu mengekalkan seni persembahan tarian kuda kepang seterusnya dapat oleh generasi pada masa akan datang. Selain itu juga, penubuhan persatuan-persatuan kesenian kuda kepang telah menjadi salah satu inisiatif yang perlu diambil kira bagi mengelakkan kesenian persembahan kuda kepang tidak tenggelam dek arus permodenan.

Kajian ini juga mampu memberi kesedaran secara holistic kepada orang ramai bahawa kaedah yang digunakan iaitu kaedah temu bual merupakan antara kaedah yang sangat penting bagi mendapat maklumat yang sahih. Kaedah ini juga mampu menjadikan pengkaji secara tidak langsung lebih bersedia dengan soalan-soalan dan jawapan-jawapan yang akan diterima. Hasil kajian ini juga sangat signifikan dan bermanfaat kepada generasi akan datang kerana

pendokumentasian maklumat-maklumat yang sangat bernilai dan pengalaman yang berharga ini mampu dipelihara dan dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Umum diketahui, seni kuda kepang ini telah mendapat perhatian oleh para pengkaji yang lain dalam mengkaji tentang apa itu kuda kepang. Terdapat beberapa catatan dan hasil yang telah dikumpulkan dan dikaji oleh para pengkaji. Tajuk ini semestinya menjadi satu topik yang sesuai untuk dikaji agar segala ilmu dan rahsia berkaitan dengan topik ini dapat dikongsi bersama.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Shazwan Affendy serta Satiman (2020) menyatakan bahawa satu upacara khas perlu dijalankan sebelum menjalankan atau memainkan tarian mahupun permainan ini. Penglibatan bomoh juga digunakan dalam upacara ini dimana bomoh ini akan menjampi untuk istiadat membuka gelanggang yang biasanya berukuran 40x60m. Selain itu juga, kajian ini lebih memfokuskan mengenai perkara yang dilakukan sewaktu tarian Kuda Kepang dijalankan.

Selain itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Kipli (2020) pula menyatakan terdapat unsur mistik yang digunakan dalam seni dan tarian kuda kepang. Kuda Kepang Mabuk atau dalam bahasa singkatnya KKM adalah ritual untuk melihat fenomena mabuk yang dikaitkan untuk manifestasikan perjalanan mistik para penari sewaktu melakukan persembahan kuda kepang. Ritual KKM ini dikatakan ritual yang diamalkan oleh masyarakat Jawa sejak zaman animisme lagi. Ekoran daripada perkaitan ini, persembahan ritual KKM turut dianggap sebagai suatu proses mistik yang mempunyai perkaitan rapat dengan agama.

Seterusnya kajian yang dijalankan dalam tajuk Tarian Kuda Kepang: Animisme Dalam Kesenian Masyarakat Jawa (2014) pula mengetengahkan amalan-amalan yang diamalkan dalam tarian kuda kepang. Amalan yang dikaitkan ialah amalan kebatinan serta upacara memuja roh dalam persembahan tarian

kuda keping yang turut melibatkan penggunaan jampi dan mantera. Kemudian pengkaji juga menyatakan tentang persediaan sebelum persembahan Tarian Kuda Keping yang diikuti dengan Pembukaan Gelanggang. Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa tarian dan permainan kuda keping ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan unsur animisme.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Suharyanto (2014) telah menyatakan pertunjukan kuda keping merupakan salah satu kesenian tradisi yang dibawa oleh orang-orang Jawa yang datang ke pulau Sumatera pada masa penjajahan Belanda menjadi kuli kontrak untuk bekerja di kebun-kebun milik pemerintah. Perpindahan orang Jawa secara besar-besaran dan mencolok dalam sejarah Indonesia adalah yang ketika didatangkan oleh pihak perkebunan sebagai tenaga kerja di Sumatera Timur. Beberapa literatur menyebutkan, bahawa orang Jawa didatangkan sejak tahun 1880 sebagai kuli untuk menggantikan orang Tionghoa. Demikian, mereka mulai dibawa ke Sumatera Timur dan setelah tahun 1910 kedatangan mereka bertambah banyak. Menurut Reid, mereka awalnya terikat dengan sebuah kontrak dengan disertai peraturan-peraturan tentang hukuman atas mereka yang disebut *Penale Sanctie*. Namun dengan berjalannya waktu, sejak tahun 1911 dengan tiba-tiba kontrak kerja tersebut didasarkan pada kontrak yang merugikan para buruh.

Disamping itu juga menurut Syarifah Syahirah Syed Othman (2014) telah menyatakan persembahan kuda keping ialah seni persembahan Melayu yang tergolong dalam seni tari yang melibatkan pemuzik, ketua penari, dan penari. Kuda keping ialah patung anyaman berbentuk seperti seekor kuda tanpa kaki. Kebiasaannya dipersembahkan majlis-majlis keramaian sempena menyambut orang kenamaan, perkahwinan dan hari perayaan. Secara ringkasnya, persembahan kuda keping yang asli melakukan pemujaan semangat oleh ketua penari bagi menaikkan semangat (spiritual) penari yang berkarya melalui bantuan muzik gamelan. Kehebatan kumpulan tarian kuda keping masih ditonjolkan dalam beberapa acara rasmi dan tidak rasmi sehingga ke hari ini kerana seni ini telah diiktiraf oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor sejak tahun 1971 lagi. Jabatan ini telah mengiktiraf kuda keping sebagai warisan kesenian rakyat

khasnya, masyarakat Johor. Penekanan yang diberikan oleh jabatan ini adalah bertujuan untuk memelihara warisan ini supaya tidak pupus ditelan arus pemodenan

## **METODOLOGI**

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif menggunakan kaedah sejarah lisan dengan menemubual tokoh iaitu Encik Muhammad Fadzilah bin Kamsan. Tokoh yang lebih mesra dipanggil dengan gelaran “Angah” telah bergiat aktif secara mendalam dalam seni persembahan kuda kepang sejak dari kecil lagi. Beliau merupakan penaung yang aktif dalam kesenian kuda kepang. Pembabitan beliau dalam bidang kesenian ini bermula sejak beliau berusia 8 tahun. Bapa kandung beliau sendiri adalah seorang penggiat aktif dalam menubuhkan persatuan kesenian kuda kepang tetapi malangnya bapa kandungnya tidak mengizinkan beliau untuk meneruskan atas sebab tertentu. Oleh kerana beliau telah bertekad untuk mendalami ilmu tersebut beliau telah mempelajarinya bersama sahabat bapanya sendiri secara sembunyi.

Temubual telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Zoom* dan dilakukan sebanyak dua sesi. Sebelum sesi temubual ini diteruskan, para pengkaji telah menghubungi tokoh terlebih dahulu untuk menjalankan kajian awal bersama tokoh. Sewaktu kajian awal dijalankan, hari, tarikh dan masa telah ditetapkan bersama tokoh untuk menemu bual beliau secara lebih mendalam. Setelah kata sepakat telah dicapai, temubual secara atas talian dijalankan. Proses temubual dapat dijalankan dengan sempurna tanpa menghadapi sebarang masalah. Untuk sesi temubual yang pertama, penemubual yang pertama iaitu Lukhman Hakeem telah memberikan pautan aplikasi *Zoom* kepada tokoh. Setelah penemubual dan tokoh mengklik masuk melalui pautan yang diberikan, sesi rakaman bersama dengan tokoh dijalankan. Penemubual hanya perlu menekan tombol *Record* yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Untuk sesi kedua, perlu dijalankan sebanyak tiga kali rakaman. Hal ini kerana, aplikasi *Zoom* terdapat had masa untuk menggunakan aplikasi tersebut iaitu hanya selama empat puluh minit sahaja. Untuk sesi kedua, setelah empat puluh minit yang



pertama tamat, maka pautan yang kedua diberikan kepada tokoh dan proses untuk temubual yang ketiga juga sama. Setelah berjaya merakamkan sesi temubual, maka telah selesai sesi temubual bersama tokoh iaitu selama 2 jam 16 minit.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar Belakang Tokoh**



Gambar 1: Encik Muhammad Fadzilah bin Kamsan

Nama diberi ialah Muhammad Fadzilah Bin Kamsan dan berumur 25 tahun. Nama samaran yang menjadikan tokoh dikenali oleh masyarakat sekeliling ialah Angah. Selain memegang jawatan sebagai Penaung bagi Persatuan Kesenian Kebudayaan Warisan Kuda Kepang Jaran Wibowo, tokoh juga merupakan seorang penjawat awam. Beliau mempunyai ilmu serta kefahaman yang sangat mendalam mengenai seni serta permainan kuda kepang. Beliau mula menjinakkan diri dalam bidang kuda kepang ini sejak dari kecil lagi. Tokoh merupakan anak jati Johor dan telah bermastautin di Batu Pahat, Johor selama 25 tahun. Beliau telah berkahwin dan mempunyai seorang isteri yang bernama Zurhaiza binti Mohammad serta dikurniakan dengan seorang cahaya mata. Isteri tokoh merupakan pewaris dan penyambung legasi kesenian kuda kepang daripada arwah ayahnya. Tokoh mempelajari sejarah serta pengenalan kuda

kepong daripada arwah ayah mertuanya. Arwah ayah mertuanya iaitu Encik Mohammad merupakan tokoh seni kuda kepong yang disegani dan sangat dikenali oleh masyarakat sekeliling di Kluang, Johor. Arwah ayah mertua beliau telah habis menjelajahi setiap daerah dan kawasan dalam negeri Johor serta membawa nama persatuan yang disertai oleh ayah mertua tokoh.

Pada tahun 2003 hingga tahun 2013, tokoh mengajak adik beradiknya yang lain untuk turut sertai bidang yang disertai oleh tokoh. Seawal umur 12 tahun, tokoh telah mula menarik minat abang-abangnya untuk mempelajari etnik Jawa ini namun tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada abang dan adiknya yang lain. Namun tokoh tidak mudah menyerah dan patah semangat. Tokoh telah mengambil pendekatan dengan menunjukkan seni kuda kepong yang telah dipelajari oleh tokoh dan kemudian abang-abangnya yang lain mulai ikut jejak langkah tokoh. Tokoh berjaya menarik minat tiga orang adik-beradik beliau iaitu yang pertama Along, yang kedua Ude dan yang ketiga Alang. Setelah beberapa lama mempelajari seni tarian kuda kepong ini, abang tokoh yang ketiga telah menarik diri dari meneruskan diri dalam seni ini. Hal ini kerana abangnya itu risau jika dia tidak dapat mengawal emosi kerana seni kuda kepong ini banyak bermain dengan unsur dalaman seseorang. Setelah itu, tokoh bersama dua orang adik-beradik yang lain terus berkecimpung dan bergiat aktif dalam seni ini sehingga sekarang.

Antara orang yang menjadi tulang belakang serta memberikan semangat kepada tokoh untuk meneruskan seni kuda kepong ini adalah Along, Alang serta isteri tokoh yang tercinta. Selain sokongan daripada adik beradik serta isteri yang tercinta, sokongan dari kakak ipar tokoh juga tidak dilupakan kerana keluarga dari sebelah isterinya sememangnya telah menceburkan diri mereka dalam bidang ini sejak kecil lagi. Apabila tokoh berkahwin dengan isterinya, secara tidak langsung tokoh telah menjadi pengganti untuk meneruskan seni kuda kepong ini kerana semua ahli keluarga isterinya semua perempuan. Banyak kata-kata semangat yang diberikan oleh keluarga mertuanya untuk meneruskan amanat arwah ayah mertuanya. Tanpa dorongan serta sokongan moral daripada ahli keluarga beliau pasti tokoh telah putus asa. Hal ini kerana situasi semasa yang melanda negara

turut memberi kesan kepada persatuan yang diketuai oleh beliau sendiri. Selain itu sebelum ini jika persatuan ada membuat persembahan atau pertunjukkan kuda kepang, tokoh mendapat respon yang negatif dari masyarakat sekeliling berkenaan tarian mahupun gerakan yang dipersembahkan. Walaupun menerima respon yang negatif dari masyarakat sekeliling, namun semua itu tidak diindahkan oleh tokoh dan mereka tetap teguh bersama meneruskan legasi persatuan ini.

### **Pendidikan Awal dan Menengah**

Tokoh telah mendapat pendidikan awal pada tahun 2000 di Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu di Kluang Johor dari darjah satu hingga darjah enam. Kemudian beliau meneruskan pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Menengah kebangsaan Abdul Jalil yang juga terletak di Kluang, Johor bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Setelah tokoh tamat persekolahan dan selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tokoh mengambil keputusan untuk tidak melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan mengambil langkah untuk mencari kerja setelah peperiksaan tamat. Namun begitu, terdetik di dalam lubuk hati tokoh untuk menyambung pelajaran hingga ke menara gading seperti orang lain tetapi memikirkan semula kekangan ekonomi yang dihadapi oleh keluarga beliau menyebabkan tokoh terpaksa memendamkan impian dan hasrat itu.

### Peralatan muzik



Gambar 2: Antara peralatan muzik yang digunakan

Antara peralatan muzik yang asas bagi menjayakan permainan kuda kepong ini adalah gendang. Gendang boleh digunakan sebanyak dua biji. Ianya dikenali sebagai Gendang Ibu dan juga Gendang Anak, gendang ini boleh digunakan keduanya ataupun satu sahaja. Jika pemain alat muzik berasa letih ianya akan digantikan dengan seorang lagi pemain. Selain itu juga, tokoh telah menyatakan alat muzik lain seperti Kenong dan peralatan ini mempunyai tiga jenis. Seterusnya ialah Gong, hanya satu sahaja gong yang digunakan sewaktu persembahan dijalankan. Ini adalah peralatan alat muzik yang asas, tetapi terpulang kepada sesebuah persatuan jika mereka ingin menambah peralatan alat muzik yang lain. Antara peralatan yang boleh ditambah ialah Saron. Peralatan ini boleh dikatakan bentuk dan rupanya seperti gamelan tetapi Saron dihasilkan secara berkeping dan ianya mempunyai tujuh jenis dan menghasilkan bunyi yang berbeza. Angklung dan jidol juga boleh digunakan bagi mewarnai irama muzik tersebut. Segala peralatan alat muzik boleh dihasilkan sendiri tetapi ianya memakan masa yang agak lama dan pembuatannya agak rumit. Justeru itu tokoh telah menyatakan segala peralatan alat muzik telah dibeli oleh pembuat khas peralatan alat muzik tersebut.

### **Peralatan tarian**

Tokoh juga telah menerangkan mengenai peralatan lain selain daripada alat muzik yang digunakan iaitu kuda kepang itu sendiri. Peralatan lain yang digunakan juga adalah kuda kepang itu sendiri yang dianyam terlebih dahulu. Kemudian tali cemeti juga antara peralatan yang digunakan sewaktu dalam tarian. Tali cemeti ini adalah sebagai tali arahan atau tali pecut yang berfungsi untuk mengawal permainan. Seterusnya, sajian boleh dikatakan keutamaan untuk persediaan permainan kuda kepang. Ianya bertujuan bagi mengetuai atau memberi arahan ketika permainan tarian kuda kepang dan juga permainan kuda kepang dijalankan. Disamping itu, tali cemeti digunakan sewaktu tarian kuda kepang dimainkan ianya bertujuan mengawal pergerakan penari atau memberi isyarat kepada penari bagi mengubah gerak tari serta bunga yang dimainkan. Tali pecut ini penting dalam mengawal situasi ketika permainan kuda kepang ini dijalankan. Ianya mampu mengelakkan tercetusnya pergaduhan yang tidak diingini berlaku. Oleh itu, peralatan seperti ini hanya dipegang oleh orang-orang tertentu sahaja seperti ketua yang membuka gelanggang kuda kepang dan juga pemandu kuda kepang itu sendiri. Tokoh juga telah menerangkan pembuatan tali cemeti perlu dianyam dan ditoncangkan mengikut olahan sendiri dan disimpan di tempat khas.

### **Pakaian**

Pakaian atau kostum merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam sesebuah persembahan kuda kepang. Penghasilan pakaian untuk seni kepang kepang biasanya menggunakan bahan tertentu yang selalu digunakan untuk menunjukkan ciri-ciri kekemasan. Menurut kebiasaannya, pemakaian untuk seni kuda kepang adalah seperti baju melayu yang bercirikan kain yang tipis atau menggunakan pakaian yang sama seperti pakaian silat. Bagi menampakkan pemakaian yang lebih kemas, penambahan pakaian seperti ves akan digunakan disertakan dengan baju melayu atau baju silat. Bahan yang digunakan pada pakaian tambahan seperti ves diperbuat daripada kain baldu. Di samping itu juga, penambahan corak dan sulaman akan menentukan sesebuah tanda dagangan

sesebuah persatuan dan tidak lupa juga penambahan logo di pakaian pemain. Setiap persatuan akan menghasilkan pakaian yang berbeza dari segi pemilihan warna, warna yang tidak digalakkan adalah penggunaan warna merah, ianya bagi mengelakkan pemain kuda tersebut berasa marah dan beremosi. Kuda kepang bukan sahaja membawa keseniannya ke Malaysia, malah membawa kebudayaan masyarakat Jawa seperti budaya pakaian Jawa. Bagi seni kuda kepang yang masih mengekalkan budaya Jawa, pakaian tradisional Jawa seperti pemakaian tanjak atau ketopang digunakan begitu juga dengan kain sampung. Batik Jawa atau kain kempun digunakan untuk dijahit menjadi seluar. Pada zaman sekarang, terdapat dua jenis tanjak yang digunakan iaitu tanjak Melayu dan tanjak Jawa. Cara ikatan tanjak tersebut membezakan antara tanjak Melayu dan tanjak Jawa.

### **Permainan Tarian kuda kepang**



Gambar 3: Antara tarian yang dimainkan

Perbezaan tarian seni kuda kepang dengan permainan seni kuda kepang adalah tarian ini dilakukan bagi menunjukkan persembahan tarian sahaja. Tarian seni kuda kepang adalah sejenis persembahan tarian yang dilakukan di majlis-majlis tertentu seperti festival dan seangkatan dengannya. Perbezaan dengan permainan seni kuda kepang adalah permainan yang kita menampakkan satu permainan yang boleh melihatkan pemain tersebut tidak menyedarkan diri dan tidak memberi perhatian kepada percakapan seseorang. Ia boleh dikatakan sebagai “Mabuk Kuda Kepang” dimana pemain akan berasa khayal sehingga tidak menyedarkan diri. Itu antara perbezaan antara tarian dan permainan kuda kepang. Tempat yang sesuai untuk mempersembahkan dan memainkan kuda kepang

adalah di atas pentas yang besar atau gelanggang. Kuda akan ditunggang oleh penari dan memacu kuda mengikuti irama lagu yang dimainkan. Kuda-kuda akan menderap dengan lebih pantas apabila irama muzik semakin rancak. Pemain kuda kepang terdapat sembilan orang iaitu lapan penari dan seorang sebagai pemandu. Tokoh menerangkan bahawa pada masa kini, penari telah dikurangkan kepada tujuh atau enam penari dan satu pemandu sahaja.

### **Pantang larang**

Setiap perkara atau aktiviti sama ada permainan mahupun tarian, ianya mempunyai peraturan dan pantang yang perlu dipatuhi. Sekiranya pantang larang tidak dipatuhi, ianya akan mendatangkan akibat yang buruk. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi adalah ketika kuda kepang dimainkan, pemain atau penari kuda kepang tidak boleh diacak. Perbuatan mengacah ini dikhuatiri akan menjadikan keadaan tidak terkawal dan menimbulkan pergaduhan. Perbuatan mengacah pemain seperti bersiul atau mengejek adalah dilarang. Mulut juga harus dijaga tidak kira sebelum, semasa atau selepas pemain kuda kepang. Hal ini kerana, mulut celupar seperti berkata besar akan mengundang pendamping untuk mengacau atau ikut pulang ke rumah. Wanita yang uzur tidak digalakkan untuk berada di kawasan itu ketika kuda kepang dimainkan kerana boleh menyebabkan mereka berasa lemah semangat. Kuda kepang seharusnya disimpan di tempatnya yang khusus. Jika diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya, dipercayai roh kuda kepang itu akan bertindak merosakkan pertunjukkan dan berasa mengamuk.

### **Cabaran dan harapan**

Antara cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang penglibatan beliau dalam seni kuda kepang ini ialah kekangan dari segi kewangan, masa dan kenderaan. Seperti yang dinyatakan di atas, tokoh juga menghadapi kesukaran untuk meneruskan minatnya dalam bidang ini kerana tiada keizininan daripada bapa kandungnya. Namun begitu beliau telah jalan dengan mempelajari seni ini secara sembunyi. Disamping itu, sewaktu beliau menjayakan persatuan ini beliau

juga menghadapi masalah dalam mengatur dan membimbing ahli persatuannya yang tidak mempunyai sifat toleransi antara satu sama lain. Semangat beliau sangat kuat sehingga beliau tidak patah semangat dan teruskan mengusaha persatuan beliau sehingga berjaya. Tokoh berharap kesenian kuda kepang ini dapat diperluaskan serta diberikan pendedahan yang lebih agresif kepada masyarakat kini khususnya golongan muda. Oleh hal yang demikian beliau berhasrat untuk menganjurkan festival yang menempatkan para penggiat seni yang dilakukan selama seminggu setiap tahun, dengan ini para penggiat dapat mengeksploitasikan segala ilmu dan keunikan kesenian yang dipelajari kepada seluruh masyarakat kini.

### **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, tarian seni kuda kepang merupakan tradisi yang diamalkan di negeri Johor terutama di daerah Batu Pahat. Kesenian ini sesungguhnya memang dikaitkan dengan perkara ghaib ataupun amalan anisme yang diamalkan dari zaman dahulu lagi. Namun begitu, kita perlu melihat dari sudut positif iaitu dari segi kesenian dan warisan yang diteruskan. Perkara-perkara ini yang perlu anak muda zaman sekarang ambil cakna agar seni kuda kepang ini tidak tenggelam dek arus pemodenan sehingga dilupakan oleh masyarakat Melayu sendiri. Berkat dari usaha seperti penubuhan kelab-kelab kesenian kuda kepang ini telah memberi jaminan bahawa seni ini dapat diteruskan dan diwarisi oleh generasi pada masa akan datang. Jika tiada inisiatif seperti ini dilakukan maka akan hilang sejarah negara yang amat bernilai. Selain itu, anak muda zaman sekarang jugak digalakkan untuk mempelajari seni ini bagi mengisi masa lapang mereka dan mengelakkan diri mereka dari terjerumus dan melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat serta boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri mereka sendiri.



## RUJUKAN

- Bakar, R. A. (2014). TARIAN KUDA KEPANG: ANIMISME DALAM KESENIAN MASYARAKAT JAWA. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, 30-41.
- Bukhari, N. A. M., Wahid, P. R. A., & Samsudin, N. H. (2020). SENI PERSEMBAHAN KUDA KEPANG DARI PERSPEKTIF TERMINOLOGI. *JURNAL MELAYU SEDUNIA*, 3(1), 318-350.
- Kurniawati, E. (2016). *Estetika Tari Kuda Kepang Desa Peniron Kabupaten Kebumen* (Doctoral dissertation, Universitas Negeri Semarang).
- Ghazali, S. (2004). *Mengkaji Pergerakan Kreatif Kuda Kepang Dan Unsur kebatinan Dalam Aktiviti Fizikal Ini* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohd Asari, A. (2016). Tarian kuda kepang Persatuan Kuda Kepang Sawah Sempadan.
- Mohd Effizan Wahid. (2020). Tarian Kuda Kepang: Satu Kajian Semiologi dan Perkaitannya Dengan Masyarakat. Diakses pada 16 Disember 2020, pada:  
[https://www.researchgate.net/publication/332865472\\_TARIAN\\_KUDA KEPANG\\_SATU\\_KAJIAN\\_SEMIOLOGI\\_DAN\\_PERKAITANNYA\\_DENGAN\\_MASYARAKAT](https://www.researchgate.net/publication/332865472_TARIAN_KUDA KEPANG_SATU_KAJIAN_SEMIOLOGI_DAN_PERKAITANNYA_DENGAN_MASYARAKAT).
- Mohamad Kipli Abdul Rahman. (2020). Tari Ritual Kuda Kepang Mabuk: Inisiasi Simbolik Perjalanan Mistik. Diakses pada 16 Disember 2020, pada:  
[https://www.researchgate.net/publication/295393985\\_Tari\\_Ritual\\_Kuda\\_Kepang\\_Mabuk\\_Inisiasi\\_Symbolik\\_Perjalanan\\_Mistik](https://www.researchgate.net/publication/295393985_Tari_Ritual_Kuda_Kepang_Mabuk_Inisiasi_Symbolik_Perjalanan_Mistik).
- Mohamad Syazuwan bin Jemaan. (2017). Kuda kepang mabuk: Suatu tinjauan psikoanalisis. Universiti Malaysia Sarawak : Fakulti Seni Gunaan dan kreatif.
- Prastiawan, I. (2014). Seni Pertunjukan Kuda Kepang Abadi di Desa Tanjung Morawa A, Medan-Sumatera Utara. *JUPIIS: JURNAL PENDIDIKAN ILMU-ILMU SOSIAL*, 6(2), 99-106.
- Sharifah Syahirah Syed Othman. (2014). Pengurusan dan Persembahan: Kajian Kes Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Suharyanto, A. 2014, Upaya Pemertahanan Kesenian Kuda Kepang Pada Masyarakat Jawa Di Binjai, *Harian Analisa*, Minggu, 9 November 2014.
- Syahidah Zainudin (2020). SENI TARI MELAYU. Diakses pada 16 Disember 2020, pada:  
[https://www.academia.edu/14959931/SENI\\_TARI\\_MELAYU](https://www.academia.edu/14959931/SENI_TARI_MELAYU).

View of TARIAN KUDA KEPANG: ANIMISME DALAM KESENIAN MASYARAKAT JAWA. (2020). Diakses pada 16 Disember 2020, pada: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/1886/1367>.